

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

BIL.	SYARAT	CATATAN	TANDAKAN (v)
MAKLUMAT YANG PERLU DICATAT DI ATAS PELAN (CATAT MAKLUMAT YANG BERKAITAN SAHAJA)			
1	<p>1A) TARIKH KELULUSAN PELAN KEBENARAN MERANCANG JPB / KM /.....(MBPP / OSC / PM /) YANG TELAH DILULUSKAN DICATAT DI ATAS PELAN.</p> <p>1B) TARIKH KELULUSAN PERLANJUTAN PELAN KEBENARAN MERANCANG JPB / KM /..... (MBPP / OSC / PM /EXT.....) YANG BARU. *JIKA SEKIRANYA TARIKH KELULUSAN ASAL TELAH LUPUT TEMPOH DAN TERDAPAT PERMOHONAN PERLANJUTAN YANG BARU].</p>		
2	<p>2A) TARIKH KELULUSAN PELAN KEBENARAN MERANCANG JPBD / PG /... / PKM-.... YANG TELAH DILULUSKAN DICATAT DI ATAS PELAN. [PASTIKAN TARIKH KELULUSAN YANG DIBERI BELUM LUPUT TEMPOH].</p> <p>2B) TARIKH KELULUSAN PERLANJUTAN PELAN KEBENARAN MERANCANG JPBD / PG /... / PKM-....(JPBD / PG /... / PKM-...EXT..) *JIKA SEKIRANYA TARIKH KELULUSAN ASAL TELAH LUPUT TEMPOH DAN TERDAPAT PERMOHONAN PERLANJUTAN YANG BARU].</p>		
3	<p>3A) TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN (MBPP / OSC / PB /....) YANG TELAH DILULUSKAN DICATAT DI ATAS PELAN [PASTIKAN TARIKH KELULUSAN YANG DIBERI BELUM LUPUT TEMPOH].</p> <p>3B) TARIKH KELULUSAN PEMBAHARUAN PELAN BANGUNAN DI ATAS PELAN (MBPP / OSC / PB /...PEMBAHARUAN.....) *JIKA SEKIRANYA TARIKH KELULUSAN ASAL TELAH LUPUT TEMPOH DAN TERDAPAT PERMOHONAN PEMBAHARUAN YANG BARU].</p>		
SYARAT-SYARAT PERLU DICATAT DI ATAS PELAN (CATAT NOTA YANG BERKAITAN SAHAJA)			
1	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN INI TERLIBAT DENGAN:</p> <p>i) LAPORAN EIA (LULUS PADA)</p> <p>ii) LAPORAN GEOTEKNIKAL (LULUS PADA)</p> <p>iii) LAPORAN KOREKAN BASEMEN (DIKEMUKAKAN PADA)</p>		
2	<p>TIADA KERJA TANAH DIBENAR UNTUK DIMULAKAN SEBELUM PELAN KERJA TANAH DILULUSKAN.</p>		
3	<p>KERJA TANAH AKAN DIJALANKAN SEMASA CUACA PANAS / KERING.</p>		
4	<p>SEGALA TUMBUH-TUMBUHAN, RUMPUT DAN SEBAGAINYA AKAN DIALIH SEBELUM TANAH DITARAH / KOREK DAN DITIMBUS.</p>		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

5	UNTUK MENCEGAH PENCEMARAN UDARA (AKIBAT HABUK / DEBU), SEMUA LORI YANG BERISI MUATAN AKAN DITUTUP DENGAN KANVAS DAN BERADA DI DALAM KEADAAN BERSIH SEBELUM MASUK KE JALAN AWAM SEMASA KERJA-KERJA TANAH BERJALAN.		
6	POTONGAN / TIMBUSAN TANAH PUGAK TIDAK DIBENARKAN.		
7	HAMPARAN BATU HANCUR AKAN DILETAKKAN DI LALUAN KELUAR / MASUK DARI TAPAK BESEN BASUH TAYAR HINGGA KE JALAN AWAM.		
8	TIMBUSAN AKAN DIBUAT BERLAPIS-LAPIS YANG TIDAK LEBIH DARIPADA 450MM (18 INCI) LONGGAR. SETIAP LAPISAN HENDAKLAH DIPADATKAN DENGAN TELITI MENGGUNAKAN PENGGELEK 10 TAN ATAU SETARA DENGANNYA SEBELUM DITERUSKAN DENGAN LAPISAN KEDUA.		
9	PINGGIR TARAHAN AKAN DIPASTIKAN PADA SATU CERUN YANG SEKURANG-KURANGNYA 1:1 DAN UNTUK TIMBUSAN 1:1.5 DAN DILINDUNGI DARIPADA HAKISAN GEGELOK DENGAN MENANAM RUMPUT SECARA RAPAT.		
10	KERJA-KERJA KOREKAN / TIMBUSAN AKAN DIJALANKAN DI BAWAH PENYELIAAN SEORANG JURUTERA PERUNDING BERTAULIAH DAN DENGAN CARA YANG TERKAWAL RAPI SUPAYA IA TIDAK MENYEBABKAN GANGGUAN DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA-HARTA BERSEBELAHAN ATAU ADUAN DARIPADA ORANG RAMAI.		
11	SEMUA SETINGGAN YANG ADA DITAPAK AKAN DIPINDAH TERLEBIH DAHULU SEBELUM KERJA TANAH DIMULAKAN.		
12	SEMUA KERJA TANAH AKAN DIBUAT MENGIKUT SEPERTIMANA DI DALAM PELAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN.		
13	SEMUA KERJA TANAH AKAN DIBUAT MENGIKUT SEPERTIMANA DI DALAM PELAN BANGUNAN YANG DILULUSKAN.		
14	LAPORAN KERJA TANAH BESERTA FOTO-FOTO BERTARIKH BAGI PARIT TANAH SEMENTARA, KOLAM ENAPAN DAN BESEN BASUH TAYAR AKAN DIHANTAR SEKALI BAGI SETIAP SATU BULAN (MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN) SEHINGGA KERJA-KERJA TANAH SIAP SEPENUHNYA. JURUTERA PERUNDING BERKENAAN AKAN MENGESAHKAN DI DALAM LAPORAN TERSEBUT BAHAWA BELIAU TELAH MENJALANKAN PEMERIKSAAN KE ATAS PARIT TANAH SEMENTARA, KOLAM ENAPAN DAN BESEN BASUH TAYAR DAN MENYATAKAN SECARA JELAS KEADAAN SEMASA PARIT TANAH SEMENTARA, KOLAM ENAPAN DAN BESEN BASUH TAYAR ITU. JURUTERA PERUNDING BERKENAAN AKAN MENGESAHKAN DI DALAM LAPORAN TERSEBUT BAHAWA KEADAAN TAPAK ADALAH SELAMAT DAN TIDAK MENAKIBATKAN SEBARANG KACAUGANGGU.		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

15	PEMBUKAAN DAN PEMOTONGAN TANAH HANYA DIBENARKAN DIBUAT DI TAPAK-TAPAK PEMBINAAN BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR BERKAITAN DENGAN YANG HENDAK DIBANGUNKAN SAHAJA. TEMPOH MASA DI ANTARA KERJA PEMBUKAAN KAWASAN DAN PEMBINAAN HENDAKLAH DISINGKATKAN.		
16	KERJA-KERJA PEMULIHAN DAN PENSTABILAN CERUN BUKIT YANG TELAH DIPOTONG DAN KAWASAN TERBUKA AKAN DIJALANKAN DENGAN SERTA-MERTA. KAWASAN TERBUKA YANG TELAH SIAP DIKERJAKAN ATAU MENUNGGU KERJA-KERJA BERIKUTNYA HENDAKLAH DILINDUNGI DENGAN 'GEOTEXTILE / TARPAULIN' ATAU DITANAM DENGAN RUMPUT / TANAMAN TUTUP BUMI DENGAN SERTA-MERTA.		
17	PARIT TANAH SEMENTARA DAN KOLAM ENAPAN AKAN DIBINA SEBELUM KERJA TANAH DIJALANKAN/ DIMULAKAN UNTUK MENGELAKKAN AIR DARI KAWASAN TAPAK MENGALIR KE LOT BERSEBELAHAN SECARA TIDAK TERKAWAL.		
18	BESEN BASUH TAYAR, PERANGKAP ENAP DAN PARIT TANAH SEMENTARA AKAN DISELENGGARA DI SEPANJANG TEMPOH PEMBINAAN. 'WATER JET' HENDAKLAH DIGUNAKAN BERSAMA DENGAN TEMPAT BASUH TAYAR SEKIRANYA TEMPAT BASUH TAYAR TIDAK MEMBERI KESAN DAN JALAN AWAM MASIH KOTOR.		
19	PERANGKAP ENAP AKAN DITIMBUS, DIRATAKAN SERTA DITANAM DENGAN RUMPUT PADA AKHIR TEMPOH PEMBINAAN.		
20	PARIT TETANGGA KONKRIT TUANG DISITU (CAST IN-SITU) AKAN DISEDIAKAN DI LOKASI YANG SESUAI. BUTIRAN TERPERINCI PARIT TETANGGA AKAN DIBERI.		
21	PARIT BAHU DARI JENIS KONKRIT TUANG DISITU (CAST IN-SITU) AKAN DIBINA UNTUK CERUN-CERUN YANG LEBIH DARI 10 KAKI.		
22	TIADA LONGKANG / PARIT / ANAK SUNGAI/ SUNGAI SEDIADA DIBENARKAN DITIMBUS SEHINGGA LONGKANG / PARIT / ANAK SUNGAI / SUNGAI LENCONGAN TELAH DIBINA ATAU DIGALI.		
23	SUNGAI / ANAK SUNGAI / PARIT YANG SEDIADA AKAN DIBERSIHKAN LODAK DENGAN PERBELANJAAN PEMUNYA SENDIRI SEKIRANYA IA BERLODAK DISEBABKAN OLEH KERJATANAH YANG DILAKSANAKAN.		
24	HANYA SATU LALUAN KELUAR / MASUK AKAN DIBUKA DI TAPAK BAGI MEMASTIKAN PERGERAKAN KENDERAAN YANG KELUAR / MASUK DAN KEBERSIHAN JALAN AWAM BOLEH DIKAWAL DENGAN BAIK.		
25	LALUAN SEDIADA HANYA AKAN DITUTUP SETELAH LALUAN ALTERNATIF DISEDIAKAN DAN TIDAK AKAN MENIMBULKAN SEBARANG MASALAH KEPADA PENGGUNA LALUAN SEDIADA.		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

26	KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK DI TAPAK ADALAH BERPANDUKAN KAEDAH 'ESCP' MENGIKUT GARIS PANDUAN MSMA. (ASPEK-ASPEK YANG DITUNJUKKAN DI DALAM PELAN 'ESCP' AKAN DITUNJUKKAN DI ATAS PELAN TAPAK UNTUK KERJA TANAH).		
27	SEMUA REKABENTUK DAN SPESIFIKASI LETUPAN ATAU APA-APA PEKERJAAN YANG TERLIBAT DENGAN PERLETUPAN AKAN MENGIKUT KELULUSAN JABATAN MINERAL & GEOSAINS SERTA PIHAK POLIS. JABATAN KEJURUTERAAN AKAN DIMAKLUMKAN BERHUBUNG KERJA-KERJA PERLETUPAN SEKURANG-KURANGNYA SEHARI SEBELUM KERJA PERLETUPAN DIJALANKAN.		
28	KAWALAN BUNYI BISING DAN GEGARAN SEMASA PERLAKSANAAN KERJA-KERJA DI TAPAK AKAN MENGIKUT GARIS PANDUAN JABATAN ALAM SEKITAR DAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS.		
29	HAD WAKTU KERJA DARI JAM 8AM - 6PM DAN TIADA KERJA TANAH DIBENARKAN PADA HARI AHAD DAN CUTI UMUM		
30	SEMUA KERJA-KERJA PEMOTONGAN/PENSTABILAN CERUN/LERENG BUKIT, PEMARITAN/SALIRAN, PEMBINAAN STRUKTUR PENAHAN, PEMBINAAN JALAN DAN PENYEDIAAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DITAPAK HENDAKLAH DISEMPURNAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM SIJIL KEBENARAN MULA KERJA (COW) BANGUNAN DIKELUARKAN.		
31	JURUTERA PERUNDING DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN CARTA ORGANISASI LENGKAP (TERMASUK CV) AHLI KUMPULAN PENYELIA TAPAK BINA (SITE SUPERVISION TEAM) SEBELUM SURAT KEBENARAN MEMULAKAN KERJA TANAH (COW) DIKELUARKAN.		
PENGESAHAN JURUTERA PERUNDING (CATAT PENGESAHAN YANG BERKAITAN SAHAJA)			
1	SEMUA ARAS YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR DAN BETUL MENGIKUT DATA YANG DIBERIKAN BERDASARKAN DATA RUJUKAN PADA [SILA NYATAKAN KEDUDUKAN DATUM RUJUKAN DAN ARASNYA PADA RUANG YANG KOSONG. SEMUA NILAI ARAS YANG DITUNJUKKAN MESTILAH DISELARASKAN DENGAN PARAS ORDINAN UKUR (S.O.D). LOKASI PARAS TERSEBUT HENDAKLAH DICATITKAN DI ATAS PELAN].		
2	PARIT AWAM / LAUT / SUNGAI YANG BERHAMPIRAN TIDAK AKAN TERCEMAR EKORAN DARI KERJA TANAH YANG DILAKSANAKAN.		
3	MENYATAKAN KOD-KOD AMALAN YANG DIGUNAKAN BAGI; i. PENYIASATAN DI TAPAK ii. KERJATANAH iii. ASAS iv. BAHAN-BAHAN MENAHAN TANAH v. ASAS DAN BINAAN-BINAAN YANG BELUM SIAP UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN YANG BUKAN BANGUNAN PERUSAHAAN YANG TINGGINYA TIDAK LEBIH DARI 4 TINGKAT. (NYATAKAN KANUN AMALAN PIAWAIAN MALAYSIA YANG SETARA BAGI PERKARA DI ATAS JIKA ADA).		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

4	CERUN-CERUN TANAH DAN STRUKTUR-STRUKTUR PENAHAN YANG DICADANGKAN BERUPAYA MENANGGUNG TEKANAN TANAH DAN KERJA-KERJA YANG DIBUAT DI TAPAK ADALAH MENEPATI / MEMATUHI PELAN KERJA TANAH YANG DILULUSKAN.		
5	TIADA KERJA-KERJA STRUKTUR ATAU KERJA TANAH AKAN DIJALANKAN DI DALAM LINGKUNGAN SIMPANAN SUNGAI KECUALI KEBENARAN BERTULIS DARI KERAJAAN NEGERI DIPEROLEHI.		
6	SEBARANG PENURUNAN MUKAIR BUMI DI DALAM KERJA TANAH ASAS TIDAK AKAN MELIBATKAN SEBARANG STRUKTUR, JALAN ATAU HARTA LAIN DI SEKITARNYA.		
7	KERJA TANAH YANG DICADANGKAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN SALIRAN-SALIRAN KAWASAN PERSEKITARAN DAN SEKIRANYA PENAKUNGAN AIR BERLAKU, PEMAJU AKAN MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MEREDAKAN KEADAAN ITU.		
8	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN MERANCANG [MBPP / OSC / PM.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADA.....SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
8a	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN MERANCANG [MBPP / OSC / PM.....EXT.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADA SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
9	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN MERANCANG [JPBD / PG / .../ PKM-.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADA.....SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
9a	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN MERANCANG [JPBD / PG / ... / PKM -EXT.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADASAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
10	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN BANGUNAN [MBPP / OSC / PB.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADA..... SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.	Bagi kawasan yang tidak memerlukan kelulusan pelan kebenaran merancang /	
10a	PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN BANGUNAN [MBPP / OSC / PB.....PEMBAHARUAN.....] YANG TELAH DILULUSKAN PADA.....SAYA BERTANGGUNGJAWAB	Bagi kawasan yang tidak memerlukan kelulusan pelan kebenaran merancang /	

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

	SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
11	PEMACU CERUCUK MENGGUNAKAN KAEDAH CERUCUK JENIS 'HYDRAULIC / INJECTION' YANG BUKAN HENTAKAN ('NON-HAMMER PILING') DAN TIDAK MENIMBULKAN KACAUGANGGU GEGARAN DAN BUNYI BISING PADA KAWASAN PERSEKITARAN.		
12	SAYA BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEGALA REKABENTUK, PENYELIAAN DAN PENGAWASAN BAGI SEMUA KERJA-KERJA YANG BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH.		
13	SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA UNTUK REKABENTUK DAN PENYELIAAN STRUKTUR PENAHAN KONKRIT TETULANG / KAEDAH PENSTABILAN CERUN JENIS.....(NYATAKAN JENIS).		
14	SAYA MENGESAHKAN BAHAWA BINAAN STRUKTUR PENAHAN YANG DICADANGKAN TIDAK AKAN MENYEBABKAN AIR BERTAKUNG DI KAWASAN LOT BERJIRAN.		
15	KERJA TANAH YANG DIJALANKAN AKAN MENGIKUT LAPORAN GEOTEKNIKAL YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PEMBANGUNAN TANAH BERISIKO BIL..... PADA (NYATAKAN BIL. DAN TARIKH).		
16	KERJA TANAH YANG DIJALANKAN AKAN MENGIKUT 'PENANG SAFETY GUIDELINE FOR HILL SITE DEVELOPMENT 2 ND EDITION 2020'.		
17	KERJA-KERJA KOREKAN BASEMEN AKAN DIBUAT BERDASARKAN LAPORAN 'FORMAT FOR THE SUBMISSION OF THE DESIGN REPORT FOR BUILDING WITH BASEMENT EXCAVATION' YANG TELAH DIKEMUKAKAN MENGIKUT 'SAFETY GUIDELINE FOR DEVELOPMENTS WITH BASEMENT'		
18	KEDUDUKAN LALUAN KELUAR / MASUK KE TAPAK DAN ALIRAN KENDERAAN YANG KELUAR / MASUK KE TAPAK ADALAH TERATUR DAN TIDAK AKAN MENIMBULKAN MASALAH KEPADA ALIRAN TRAFIK SEDIA ADA.		
	PENGESAHAN JURUTERA GEOTEKNIKAL DAN PEMERIKSA BEBAS		
1	SAYA MENGESAHKAN BAHAWA KERJA TANAH YANG DIJALANKAN AKAN MENGIKUT LAPORAN GEOTEKNIKAL YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PEMBANGUNAN TANAH BERISIKO BIL..... PADA..... (NYATAKAN BIL. DAN TARIKH). SAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS SEGALA KETEPATANNYA.		
2	SATU LAPORAN TERPERINCI BERHUBUNG KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN DI TAPAK AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA MAJLIS UNTUK TUJUAN REKOD SAHAJA (MENGIKUT FORMAT YANG TELAH DITETAPKAN) SEBELUM PENGESAHAN BERHUBUNG KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN ITU BOLEH DIBUAT.		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

3	MANUAL PENYELENGGARAAN CERUN ADALAH MEMATUHI / MENGIKUT KEHENDAK 'GUIDELINES ON SLOPE MAINTENANCE IN MALAYSIA'.		
4	CERUN BATU (ROCK SLOPE) DI TAPAK ADALAH STABIL DAN SAYA BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KESTABILANNYA.		
	PENGESAHAN PEMUNYA (CATAT PENGESAHAN YANG BERKAITAN SAHAJA)		
1	PEMUNYA MENGAKUJANJI UNTUK MEMPERBAIKI KEROSAKAN-KEROSAKAN KEPADA JALAN- JALAN KERAJAAN ATAU HARTA-HARTA AWAM YANG LAIN DAN JUGA MENYAPU / MEMBERSIHKAN JALAN-JALAN AWAM YANG TERLIBAT BERULANGKALI BERHAMPIRAN DENGAN TAPAK YANG DICADANGKAN.		
2	STRUKTUR PENAHAN / KAEDAH PENSTABILAN CERUN JENIS (NYATAKAN JENIS) AKAN DISELENGGARA OLEH (NYATAKAN PIHAK YANG AKAN MENYELENGGARA) SELEPAS OC / CCC.		
3	PEMAJU AKAN MELANTIK JURUTERA GEOTEKNIKAL BERTAULIAH DAN 'INDEPENDENT GEOTECHNICAL CHECKER/ ASSESSOR' BERTAULIAH UNTUK MENGAWALSELIA KERJA-KERJA PEMBINAAN BASEMEN DAN MENGEMUKAKAN LAPORAN PEMBINAAN BASEMEN SEKALI BAGI SETIAP BULAN (MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN).		
4	MANUAL BAGI KAEDAH PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN CERUN SECARA BERKALA OLEH PEMILIK BANGUNAN ATAU BADAN PENGURUSAN BERSAMA/ PERBADANAN PENGURUSAN AKAN DISEDIAKAN OLEH JURUTERA GEOTEKNIKAL BERTAULIAH YANG DILANTIK OLEH (NYATAKAN NAMA PEMUNYA TANAH / BANGUNAN) DAN SESALINAN MANUAL TERSEBUT AKAN DISERAH KEPADA JABATAN KEJURUTERAAN SEMASA BORANG C DIKEMUKAKAN UNTUK TUJUAN REKOD SAHAJA.		
5	PEMUNYA HENDAKLAH MENURUNKAN TANDATANGAN DI BAWAH AKUJANJI INI. NAMA DAN NOMBOR KAD PENGENALAN PEMUNYA MESTILAH DINYATAKAN.		
	LAPORAN-LAPORAN (KEMUKAKAN LAPORAN YANG BERKAITAN SAHAJA)		
1	SATU (1) SET LAPORAN PENYIASATAN TANAH (SI REPORT) YANG MENGANUNGI LAPORAN BERTULIS DENGAN DILABELKAN PERKATAAN LAPORAN PENYIASATAN TANAH YANG TELAH DISAHKAN OLEH JURUTERA PERUNDING BERTAULIAH – DALAM FORMAT ADOBE PDF].		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

2	<p>LAPORAN BERTULIS BERHUBUNG PINDAAN YANG TERLIBAT, KENAPA PINDAAN PERLU DIBUAT DAN PERBEZAAN KOS ANTARA ITEM YANG DIPINDA BERBANDING ITEM ASAL YANG DICADANGKAN. LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN MESTILAH MENJELASKAN SEMUA PINDAAN YANG TERLIBAT TERMASUKLAH PINDAAN TERHADAP ARAS FORMASI (JIKA ADA).</p>		
4	<p>LAPORAN PENGIRAAN BAGI KESTABILAN CERUN ('SLOPE STABILITY CALCULATION') MEMENUHI SYARAT DAN PERUNDANGAN YANG TELAH DITENTUKAN UNTUK TUJUAN REKOD JABATAN SAHAJA.</p>		
5	<p>LAPORAN KERJA TANAH (UNTUK TUJUAN REKOD JABATAN SAHAJA) YANG MENGANDUNGI:</p> <p>a) CARA PENGOREKAN, MERATA, MENIMBUS, MENANAM CERUCUK PERLINDUNGAN ATAU SEBARANG PROSES GEOTEKNIK YANG LAIN.</p> <p>b) JADUAL KERJATANAH DAN SUSUNAN PERINGKAT KERJATANAH YANG AKAN DIJALANKAN.</p> <p>c) KUANTITI TANAH YANG HENDAK DIKOREK ATAU DITIMBUS DAN TEMPAT DI MANA TANAH YANG DIKOREK ITU HENDAK DILONGGOKKAN ATAU DARI MANAKAH HENDAK DIDAPATI TANAH YANG AKAN DIGUNAKAN UNTUK KERJA MENIMBUS DAN DISERTAKAN DENGAN KELULUSAN BERTULIS OLEH PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN UNTUK MENGANGKUT TANAH ITU. SILA KEMUKAKAN KIRAAN TERPERINCI KUANTITI TANAH YANG HENDAK DIKOREK ATAU DITIMBUS DALAM BENTUK JADUAL YANG SESUAI.</p> <p>d) LANGKAH- LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI MELINDUNGI TANAH, BANGUNAN, JALAN DAN HARTA-HARTA YANG BERHAMPIRAN / BERSAMBUNGAN.e) PELAN-PELAN TERPERINCI DAN BERSKALA TIDAK KURANG DARI ¼ INCI BAGI SATU KAKI DAN PENENTUAN-PENENTUAN MENGENAI SEBARANG CERUCUK TEBING RAPAT ATAU LAIN-LAIN BINAAN PENAHAN ATAU PENENTUAN-PENENTUAN MENGENAI PENGUKUHAN CERUN YANG DIKEHENDAKI MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL (KERJATANAH) PULAU PINANG 1975.</p>		
	<p>PENGIRAAN-PENGIRAAN (KEMUKAKAN PENGIRAAN YANG BERKAITAN SAHAJA)</p>		
1	<p>PENGIRAAN-PENGIRAAN YANG MENUNJUKKAN KEUPAYAAN PARIT SEMENTARA, KOLAM MENDAPAN DAN PERANGKAP ENAP ITU HENDAKLAH DIBERI MENGIKUT KAEDAH MSMA UNTUK TUJUAN REKOD JABATAN SAHAJA. SILA KEPILKAN LUKISAN TERPERINCI YANG MENUNJUKKAN DIMENSI BAGI PARIT TANAH SEMENTARA DAN KOLAM PEMENDAPAN.</p>		
2	<p>PENGIRAAN UNTUK STRUKTUR PENAHAN DAN APA-APA KAEDAH PENSTABILAN CERUN UNTUK REKOD JABATAN SAHAJA.</p>		
3	<p>PENGIRAAN ISIPADU KOREKAN / POTONGAN DAN TIMBUSAN</p>		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

	UNTUK TUJUAN REKOD JABATAN SAHAJA.		
	SALINAN / DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN		
1	SILA KEMUKAKAN SALINAN PELAN PARIT DAN JALAN YANG TELAH DILULUSKAN / DIKEMUKAKAN UNTUK KELULUSAN (BERWARNA).		
2	SILA KEMUKAKAN SALINAN PELAN ESCP YANG TELAH DILULUSKAN/ DIKEMUKAKAN UNTUK KELULUSAN.		
	MAKLUMAN DAN TINDAKAN		
1	SATU SET PELAN "SOFTCOPY" (PERINGKAT AWAL). (DUA) SET PELAN "HARDCOPY" (1 SET KERTAS & 1 SET LINEN) – PERINGKAT SEBELUM PEMBENTANGAN.		
2	PASTIKAN TEMPAT KERJA-KERJA KOREKAN DAN TIMBUSAN DI PELAN TAPAK ADALAH SAMA SEPERTIMANA DITUNJUK DI LUKISAN KERATAN.		
3	SILA PASTIKAN PELAN KERJA TANAH YANG DIKEMUKAKAN SELARAS DENGAN PELAN MERANCANG / PELAN BANGUNAN YANG TELAH DIKEMUKAKAN / DILULUSKAN.		
4	NOMBOR RUJUKAN FAIL JABATAN INI AKAN DICATATKAN DI SUDUT ATAS KANAN PADA SETIAP HELAIAN PELAN KERJA TANAH / PINDAAN DENGAN WARNA MERAH.		
5	TAJUK PELAN HENDAKLAH MENYATAKAN JENIS PEMAJUAN YANG BARU IAITU ‘CADANGAN PELAN KERJA TANAH BAGI MENDIRIKAN / MEMBINA.....’ DIKUTI DENGAN TAJUK SEPERTIMANA DI DALAM PELAN KEBENARAN MERANCANG / PELAN BANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN. NAMA JALAN SEDIADA BERHAMPIRAN TAPAK CADANGAN MESTILAH DIMASUKKAN DI DALAM TAJUK PELAN.		
6	PELAN PINDAAN KEPADA PELAN KERJA TANAH YANG TELAH DILULUSKAN MBPP/OSC/KT..... TARIKH LULUS:..... ‘CADANGAN PELAN KERJATANAH BAGI.....’ DIKUTI DENGAN TAJUK ASAL PELAN KERJA TANAH YANG TELAH DILULUSKAN. NAMA JALAN SEDIADA BERHAMPIRAN TAPAK CADANGAN MESTILAH DIMASUKKAN DI DALAM TAJUK PELAN.	Sekiranya melibatkan perubahan aras tanah dan perubahan kepada binaan struktur penahan / apa-apa kaedah penstabilan cerun. /	
6a	PELAN PINDAAN KEPADA PELAN KERJA TANAH YANG TELAH DILULUSKAN MBPP/OSC/KT..... TARIKH LULUS:.....NYATAKAN TAJUK ASAL PELAN KERJA TANAH YANG TELAH DILULUSKAN. (NAMA JALAN SEDIADA BERHAMPIRAN TAPAK CADANGAN MESTILAH DIMASUKKAN DI DALAM TAJUK PELAN)	Sekiranya melibatkan perubahan aras tanah dan perubahan kepada binaan struktur penahan / apa-apa kaedah	

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

	<p>KEPADA: 'CADANGAN PELAN KERJA TANAH BAGI.....' DIKUTI TAJUK PELAN PINDAAN SEPERTIMANA DI DALAM PELAN KEBENARAN MERANCANG (BORANG C1) / PELAN BANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN. (NAMA JALAN SEDIADA BERHAMPIRAN TAPAK CADANGAN MESTILAH DIMASUKKAN DI DALAM TAJUK PELAN).</p>	<p>penstabilan cerun. /</p>	
7	<p>CADANGAN PELAN KERJA TANAH BAGI PERMOHONAN PENGELUARAN TANAH / BAHAN BATUAN DI ATAS LOT.....DIKUTI DENGAN TAJUK SEPERTIMANA DI DALAM PELAN KEBENARAN MERANCANG YANG TELAH DILULUSKAN. NAMA JALAN SEDIADABERHAMPIRAN TAPAK CADANGAN MESTILAH DIMASUKKAN DI DALAM TAJUK PELAN.</p>		
8	<p>SILA NYATAKAN NAMA TETUAN DAN NOMBOR SYARIKAT (JIKA ADA).</p>		
9	<p>ISIPADU KOREKAN, TIMBUSAN DAN KELUASAN TAPAK YANG TERLIBAT MESTILAH DICATATKAN DI SEBELAH KANAN PELAN TAPAK YANG DIKEMUKAKAN.</p>		
10	<p>SATU PELAN TAPAK HENDAKLAH DILUKIS MENGIKUT SKALA TIDAK KURANG DARI 1:1000 (1 INCI BAGI 80 KAKI) MENUNJUKKAN, a. TAPAK KERJATANAH b. MASUK LALUAN JALAN c. ANAK-ANAK SUNGAI UTAMA/ ALIRAN-ALIRAN SEMULAJADI, PARIT-PARIT DAN TANAH- TANAH BERSAMBUNGAN ATAU SEBAHAGIANNYA.</p>		
11	<p>SATU PELAN KONTOR 1.5 METER (5 KAKI) DENGAN SKALA TIDAK KURANG DARI 1:500 (1 INCI BAGI 40 KAKI) MENUNJUKKAN, a) KEDUA-DUA TANAH YANG SEDIADA DI MANA HENDAK DIJALANKAN KERJA TANAH ITU. b) TANAH-TANAH BERSAMBUNGAN</p>		
12	<p>PELAN KERATAN MEMBUJUR DAN LINTANG YANG TIDAK KURANG DARI 1:125 (1 INCI BAGI 10 KAKI) UNTUK SKALA PUGAK DAN TIDAK KURANG DARI 1:500 (1 INCI BAGI 40 KAKI) UNTUK SKALA UFUK YANG MENUNJUKKAN KERJATANAH YANG HENDAK DIJALANKAN DI TAPAK ITU.</p>		
13	<p>SEMPADAN-SEMPADAN LOT HENDAKLAH DITANDAKAN DENGAN WARNA MERAH.</p>		
14	<p>SESALINAN PELAN LOKASI DENGAN 'LANDMARK' YANG BERSESUAIAN DAN JELAS (NOMBOR PREMIS DAN SEBAGAINYA) BERDEKATAN TAPAK CADANGAN HENDAKLAH DIBERI/DITUNJUKKAN.</p>		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

15	SILA TUNJUKKAN LALUAN KELUAR / MASUK YANG AKAN DIGUNAKAN. SEKIRANYA LALUAN YANG DICADANG ADA MELIBATKAN TANAH KERAJAAN / PERSENDIRIAN, SILA KEMUKAKAN KEBENARAN BERTULIS DARI AGENSI / PIHAK BERKAITAN UNTUK TUJUAN REKOD.		
16	SILA TUNJUKKAN KAEDAH YANG AKAN DIGUNAPAKAI BAGI MEMASTIKAN LONGKANG AWAM DI LALUAN KELUAR / MASUK TIDAK DIROSAKKAN SEMASA KERJA TANAH DILAKSANAKAN.		
17	SILA TUNJUKKAN DENGAN JELAS LALUAN YANG AKAN DIGUNAKAN SEMASA KERJA TANAH DILAKSANAKAN DI ATAS PELAN LOKASI / PELAN TAPAK YANG DIKEMUKAKAN.		
18	RUANG KOSONG [200 (V) X 100 (H) MM] DISEDIAKAN PADA SEBELAH ATAS KANAN PELAN-PELAN KERJA TANAH.		
19	SISTEM PERPARITAN YANG BERSESUAIAN UNTUK MENAMPUNG AIR BAGI LOT BERJIRAN (SEKIRANYA PERLU) MESTILAH DITUNJUKKAN DI ATAS PELAN TAPAK DAN PELAN KERATAN BERKAITAN.		
20	SILA TUNJUKKAN KEDUDUKAN PARIT TANAH DI ATAS PELAN TAPAK.		
21	MENYATAKAN ARAH ALIRAN AIR BAGI PARIT TANAH SEMENTARA DI ATAS PELAN TAPAK.		
22	BUTIR-BUTIR MENGENAI POTONGAN DAN TIMBUSAN (CONTOH: PARIT TANAH DAN BENTENG SEMENTARA HENDAKLAH DIBERI MENGGUNAKAN SKALA YANG SESUAI).		
23	TEMPAT-TEMPAT KERJA TANAH HENDAKLAH DIWARNAKAN MENGIKUT KOD WARNA MAJLIS.		
24	WARNAKAN PELAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI ITEM YANG TERLIBAT DENGAN PINDAAN SAHAJA.	Untuk pelan pindaan sahaja /	
25	PETUNJUK ('LEGEND') HENDAKLAH DINYATAKAN.		
26	PASTIKAN TANDATANGAN, NAMA, NOMBOR KAD PENGENALAN, ALAMAT, NOMBOR TELEFON DAN NOMBOR FAKSIMILI PEMUNYA TANAH DAN BANGUNAN ADA DI DALAM PELAN-PELAN KERJATANAH. (NAMA DAN NOMBOR KAD PENGENALAN MESTILAH DINYATAKAN).		
27	SILA TUNJUKKAN KEDUDUKAN BESEN BASUH TAYAR DI ATAS PELAN TAPAK.		
28	SILA KEMUKAKAN LUKISAN TERPERINCI UNTUK BESEN BASUH TAYAR YANG DICADANGKAN.		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

29	<p>PELAN KERATAN AKAN MENUNJUKKAN,</p> <p>a) ARAS DATUM</p> <p>b) CADANGAN ARAS TANAH</p> <p>c) KOREKAN DALAM METER</p> <p>d) TIMBUSAN DALAM METER</p> <p>e) ARAS TANAH SEDIADA</p> <p>f) JARAK DALAM METER</p> <p>g) CADANGAN PEMAJUAN (LABELKAN)</p>		
30	<p>PELAN KERATAN AKAN MENUNJUKKAN,</p> <p>a) ARAS DATUM</p> <p>b) ARAS TANAH YANG DILULUSKAN PADA.....</p> <p>c) CADANGAN ARAS TANAH</p> <p>d) KOREKAN DALAM METER</p> <p>e) TIMBUSAN DALAM METER</p> <p>f) ARAS TANAH SEDIADA</p> <p>g) JARAK DALAM METER</p> <p>h) CADANGAN PEMAJUAN (LABELKAN)</p>	<p>Untuk pelan pindaan sahaja</p>	
31	<p>GARISAN-GARISAN SEMPADAN HENDAKLAH DITUNJUKKAN DI SETIAP LUKISAN MUKA KERATAN.</p>		
32	<p>KEADAAN PROFAIL TANAH SEDIADA 5 METER DI LUAR DARI KEDUA-DUA SEMPADAN LOT HENDAKLAH DITUNJUKKAN DI DALAM LUKISAN PELAN KERATAN.</p>		
33	<p>SILA TUNJUKKAN KAEDAH YANG AKAN DIGUNAPAKAI BAGI MENAHAN TANAH YANG DITAMBUN / DIPOTONG SECARA TEGAK.</p>		
34	<p>SILA TUNJUKKAN KEDUDUKAN PARIT TANAH SEMENTARA DI ATAS PELAN TAPAK.</p>		
35	<p>SILA KEMUKAKAN LUKISAN TERPERINCI UNTUK PARIT TANAH SEMENTARA YANG DICADANGKAN.</p>		
36	<p>SILA TUNJUKKAN KEDUDUKAN KOLAM ENAPAN DI ATAS PELAN TAPAK.</p>		
37	<p>SILA TUNJUKKAN DENGAN JELAS LOKASI UNTUK 'FINAL DISCHARGE' DI ATAS PELAN TAPAK.</p>		
38	<p>SILA KEMUKAKAN LUKISAN TERPERINCI UNTUK KOLAM ENAPAN YANG DICADANGKAN.</p>		
39	<p>SILA TUNJUKKAN LUKISAN TERPERINCI UNTUK 'FINAL DISCHARGE' YANG DICADANGKAN.</p>		
40	<p>SILA TUNJUK KEDUDUKAN / JENIS STRUKTUR PENAHAN ATAU LAIN-LAIN KAEDAH PENSTABILAN CERUN DI ATAS PELAN TAPAK.</p>		
41	<p>SILA PASTIKAN KEDUDUKAN / JENIS STRUKTUR PENAHAN ATAU LAIN-LAIN KAEDAH PENSTABILAN CERUN DI ATAS PELAN KERATAN ADALAH SELARAS DENGAN APA YANG DITUNJUKKAN DI ATAS PELAN TAPAK.</p>		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

42	SILA KEMUKAKAN LUKISAN TERPERINCI UNTUK STRUKTUR PENAHAN ATAU LAIN-LAIN KAEDAH PENSTABILAN CERUN YANG DICADANGKAN.		
43	SILA TUNJUKKAN SEMPADAN LOT DI ATAS LUKISAN TERPERINCI UNTUK STRUKTUR PENAHAN YANG DICADANGKAN.		
44	SILA TUNJUKKAN KAEDAH YANG AKAN DIGUNA UNTUK MENAMPUNG AIR DARI 'WEEPHOLES' BAGI STRUKTUR PENAHAN YANG DICADANGKAN.		
45	JARAK 600MM MIN. BAGI CADANGAN PARIT UNTUK MENAMPUNG AIR DARI 'WEEPHOLES' ADALAH DARI INVERT PARIT KE BAHAGIAN ATAS ASAS STRUKTUR PENAHAN.		
46	SEKIRANYA REKA BENTUK STRUKTUR PENAHAN TIDAK MELIBATKAN PENYEDIAAN 'WEEPHOLES', SILA TUNJUKKAN KAEDAH LAIN YANG DIGUNAPAKAI DI DALAM LUKISAN TERPERINCI UNTUK STRUKTUR PENAHAN YANG DICADANGKAN SERTA LOKASI 'FINAL DISCHARGE' BAGI KAEDAH YANG DIGUNAPAKAI ITU DI ATAS PELAN TAPAK.		
47	SILA TUNJUKKAN KETINGGIAN STRUKTUR PENAHAN DI ATAS SETIAP PELAN KERATAN YANG DIKEMUKAKAN.		
48	SILA KEMUKAKAN 'SCHEDULE OF SIZE & REINFORCEMENT' DISEBELAH LUKISAN TERPERINCI STRUKTUR PENAHAN, SOIL NAILING DAN CERUCUK.		
49	SILA KEMUKAKAN LUKISAN TIPIKAL UNTUK CERUN POTONGAN DAN CERUN TIMBUSAN (SELARAS DENGAN CADANGAN DI TAPAK). DATA TERPERINCI BERHUBUNG 'BERM DRAIN', LEBAR 'BERM' DAN SEBAGAINYA MESTILAH DITUNJUKKAN.		
50	SILA TUNJUKKAN SEMPADAN TANAH BUKIT DI ATAS PELAN KERATAN KERATAN DAN PELAN TAPAK.		
51	SEMUA LAPORAN, PENGIRAAN DAN APA-APA ITEM YANG DIKEMUKAKAN MESTILAH DISAHKAN OLEH JURUTERA PERUNDING BERKENAAN.		
52	SILA KEMUKAKAN SATU SET PELAN KERJA TANAH DALAM BENTUK CD ('SOFTCOPY' - DALAM FORMAT POWERPOINT).LUKISAN UNTUK PELAN KUNCI, PELAN LOKASI, PELAN TAPAK DAN PELAN KERATAN MESTILAH DITUNJUKKAN SECARA JELAS DI ATAS 'SLIDE' YANG BERASINGAN.KAWASAN TAPAK CADANGAN HENDAKLAH DILOREKKAN DENGAN WARNA MERAH DI DALAM PELAN KUNCI YANG DIKEMUKAKAN.'LANDMARK' DAN NAMA JALAN YANG DITUNJUKKAN DI DALAM PELAN LOKASI DAN PELAN TAPAK HENDAKLAH JELAS DAN BERSESUAIAN.TEMPAT-TEMPAT KERJA TANAH HENDAKLAH DIWARNAKAN MENGIKUT KOD WARNA MAJLIS. TULISAN DI ATAS PELAN KUNCI, PELAN LOKASI, PELAN TAPAK DAN PELAN KERATAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN WARNA HITAM SAHAJA.MAKLUMAT ARAS DATUM, ARAS TANAH		

SENARAI SEMAK PELAN KERJA TANAH

	SEDIA ADA, CADANGAN ARAS TANAH, KOREKAN, TIMBUSAN DAN JARAK MESTILAH JUGA MENGGUNAKAN WARNA HITAM SAHAJA.		
53	NYATAKAN LOKASI DI MANA TANAH YANG DIKOREK ITU HENDAK DILONGGOKKAN ATAU DARI MANAKAH HENDAK DIDAPATI TANAH YANG AKAN DIGUNAKAN UNTUK KERJA MENIMBUS DI ATAS PELAN KERJA TANAH.		
54	MENGEMUKAKAN KELULUSAN BERTULIS OLEH PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN UNTUK KERJA MENIMBUS, KOREKAN TANAH DAN PEMBUANGAN SISA PEROBOHAN SEBELUM MEMULAKAN KERJA TANAH (COW).		
55	MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMASANGAN SISTEM PEMANTAUAN TAPAK MENGGUNAKAN CCTV DAN PERALATAN- PERALATAN PEMANTAUAN PERGERAKAN TANAH YANG DISAHKAN OLEH JURUTERA PERUNDING.		

Tandatangan & Cop Jurutera Perunding

Tarikh :